

03 JAN, 2023

NTF simbol kejayaan kawalan keselamatan, pertahanan negara

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

NTF simbol kejayaan kawalan keselamatan, pertahanan negara

• Selama hampir tiga tahun penubuhannya, NTF berjaya melaksanakan 7,490 tangkapan membabitkan 1,444 orang tekong, 23,894 PATI dan 1,377 penceroboh

• Penubuhan NTF membuktikan elemen 'Pemusatan dan Memaksimumkan Sumber' boleh dilaksanakan dengan koordinasi serta pengurusan yang betul



Penolong Pengarah Keselamatan Kontemporari, Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MIDAS)

Oleh Left Kol Dr Maimunah Omar
bhrencana@bh.com.my

Sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) bilangan 2, tahun 2022 secara rasmi memersetujui pembubaran Pasukan Tugas Kebangsaan atau National Task Force (NTF) berkuat kuasa 31 Disember 2022. Walaupun pembubaran ini mengundang 1001 persoalan, ia harus diterima dengan hati terbuka. Seperti umum sedia maklum, NTF ditubuhkan pada 6 Mei 2020 dengan tujuan memperkukuhkan kawalan sempadan negara supaya tidak dibolosi pendatang asing tanpa izin (PATI) bagi mengekang penularan COVID-19.

Menerusi Ops Benteng, operasi kawalan sempadan ini dilaksanakan dengan mengatur gerak angkatan bersepadu bagi mengawal kawasan teras (daratan) dan menguasai kawasan lanjutan serta hadapan (maritime/udara) melalui kaedah 6D iaitu Pencegahan (Deter), Pengesanan (Detect), Penghindaran (Deny), Pelencongan (Detour), Penahanan (Detain) dan Pengusiran (Deportation).

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dilantik sebagai agensi peneraju dalam NTF bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan 18 agensi penguat kuasa lain, termasuk Kementerian Kesihatan (KKM).

Tidak dinafikan banyak cabaran dan kekangan dihadapi NTF pada peringkat awal penubuhan. Menghimpunkan pelbagai agensi beruniform dan bukan beruniform bukan perkara mudah, apatah lagi setiap agensi mempunyai budaya kerja berbeza dan kaedah berlainan. Setiap agensi juga bertanggungjawab terus terhadap ketua masing-masing, walaupun pada masa sama berhimpun di bawah payung NTF.

Selama dua tahun 7 bulan 22 hari penubuhannya, NTF berjaya melaksanakan 7,490 tangkapan membabitkan 1,444 orang tekong, 23,894 PATI dan 1,377 penceroboh. Dalam tempoh itu juga nilai rampasan sebanyak RML10 bilion dikumpulkan.

Selain kejayaan dari aspek operasi, ramai tidak mengetahui pencapaian kejayaan NTF adalah melebihi daripada itu.

Pada peringkat strategik, kesepakatan dan kesepa-duan membuat keputusan bersama dicapai menerusi penubuhan *Command Comities* merangkumi lima ketua organisasi dan agensi utama NTF iaitu Komandan NTF, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) PDRM, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Maritim Malaysia, Panglima ATM dan Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Imigresen.

Peranan *Command Comities* ini amat penting kerana mereka 'Pemegang Amanah' duduk semeja bagi menentukan misi diamanahkan dapat dilaksanakan dengan jaya serta urusan berkaitan antara agensi, termasuk pengurusan aset dan logistik berjalan lancar.

Antara pencapaian amat membanggakan adalah koordinasi dan penyelarasan pemudah cara pembelian aset NTF. Kekuatan, kesungguhan dan kesepakatan suara *Command Comities* membolehkan NTF memperoleh banyak aset yang diberi keutamaan perolehan Kementerian Kewangan tanpa mengene-pikan prosedur kewangan ditetapkan.

Aset ini banyak membantu melancarkan operasi

Ops Benteng demi menjaga kedaulatan negara. Melalui sumber NTF juga, satu perkara menarik dikenal pasti dalam proses perolehan aset ini adalah kebolehsamaan pengoperasian aset untuk kegunaan pelbagai agensi serta sumber perolehan boleh disatukan.

Perkara ini dapat menjimatkan kewangan negara dan menjadi elemen penting diambil kira dalam pembangunan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara (DIPKN) yang kini diusahakan Kementerian Pertahanan bersama kementerian berkaitan.

Seterusnya, penubuhan NTF juga membolehkan penyaluran maklumat kepada pihak atasan khususnya MKN menjadi lebih efektif dan efisien. Maklumat disalurkan menyeluruh serta merangkumi darat, maritim dan udara tanpa perlu menunggu maklum balas daripada pelbagai agensi.

Ini membantu pihak berkenaan membuat keputusan dengan lebih cepat dan berkesan. Koordinasi penyaluran maklumat ini turut memudahkan pihak media dan wartawan membuat liputan serta memberikan fokus laporan terhadap isu menjejaskan keselamatan dan pertahanan negara.

Memandangkan NTF adalah gabungan daripada pelbagai agensi meliputi daratan, maritim dan udara, sudah pasti bukan sesuatu yang mudah untuk menyelaras arahan dan tindakan dilaksanakan.

Justeru, bagi melicinkan lagi perjalanan operasi serta bagi mengelakkan pertindihan tugas di antara agensi pelaksana, prosedur operasi standard (SOP) bagi Darat, Maritim dan Udara berjaya diwujudkan. SOP dibangunkan ini banyak melancarkan dan memudahkan urusan di sepanjang Ops Benteng dilaksanakan.

Pengemblengan secara optimum

Penubuhan NTF membuktikan elemen 'pemusatan dan memaksimumkan sumber' boleh dilaksanakan dengan koordinasi dan pengurusan yang betul.

Ini dibuktikan apabila pengemblengan secara optimum dilaksanakan bukan sahaja bagi elemen sumber manusia, tetapi juga penggunaan aset dimiliki.

Kebanyakan aktiviti pencerobohan berlaku adalah saling berkait dengan jenayah rentas sempadan lain, justeru pegawai dan anggota dalam NTF melengkapi antara satu sama lain dari sudut pengesanan, kepakaran dan kemahiran dimiliki setiap agensi serta penggunaan aset dimaksimumkan.

Pujian juga harus diberikan kepada pihak media massa dan akhbar dalam menyokong tugasan penguatkuasaan dan kawalan keselamatan di sempadan negara.

Media sentiasa positif dan kerap melaporkan setiap kejayaan Ops Benteng dan NTF seperti keberkesanan operasi, penangkapan, penahanan, rampasan serta pelbagai lagi.

Ia juga mewujudkan *fear factor* kepada penjenayah terhadap ketegasan penguatkuasaan di Malaysia. Kesungguhan dan usaha pihak media amat dihargai dan dipuji kerana secara tidak langsung 'didikan' melalui media massa mengajak masyarakat bersama-sama mencegah aktiviti jenayah demi kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Konsep Pertahanan Menyeluruh atau HANRUH serta Kerjasama Awam-Tentera (CIMIC) dapat dirasakan apabila semua pihak bersama rakyat berganding bahu menjaga kedaulatan negara.

Seperti penubuhannya membuka lembaran baharu dalam atmosfera keselamatan dan pertahanan negara, pembubarannya juga akan tersimpan kemas dalam lakaran lembaran sejarah negara.

Apapun NTF menjadi satu penanda aras kejayaan serta keupayaan keselamatan dan pertahanan merangkumi semua perkara. Walau apa pun yang tertulis, kedaulatan, keselamatan dan pertahanan negara bukan hanya tanggungjawab agensi penguatkuasaan dan keselamatan semata-mata.

Ia adalah tanggungjawab wajib setiap individu yang lahir, hidup dan cintakan tanah air ini. Semoga NTF terus dikenang sebagai pengukuh hubungan antara agensi dan elemen CIMIC dizahirkan terus diteladani.





03 JAN, 2023

NTF simbol kejayaan kawalan keselamatan, pertahanan negara

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Selama hampir tiga tahun penubuhannya, NTF berjaya melaksanakan 7,490 tangkapan membabitkan 1,444 orang tekong, 23,894 PATI dan 1,377 penceroboh

Penubuhan NTF membuktikan elemen ‘Pemusatan dan Memaksimumkan Sumber’ boleh dilaksanakan dengan koordinasi serta pengurusan yang betul

Sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) bilangan 2, tahun 2022 secara rasmi mempersetujui pembubaran Pasukan Petugas Kebangsaan atau National Task Force (NTF) berkuat kuasa 31 Disember 2022. Walaupun pembubaran ini mengundang 1001 persoalan, ia harus diterima dengan hati terbuka.